

Rukun Negara agenda perpaduan bangsa Malaysia merdeka

RUKUN Negara adalah ideologi rakyat Malaysia yang diisytiharkan setelah berlakunya sejarah hitam negara iaitu peristiwa rusuhan 13 Mei 1969.

Salah satu objektif utama Rukun Negara ialah untuk memupuk semangat taat setia dan kekitaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dengan memperkuatkannya semangat perpaduan serta integrasi nasional.

Kebimbangan hari ini seperti isu perkauman dan agama, ketidakseimbangan persaingan ekonomi serta kewarganegaraan berpotensi melemahkan jati diri dan memecahbelahkan rakyat.

Dalam menangani isu-isu tersebut, penekanan perlu diberikan terhadap pemahaman mendalam tentang aspirasi yang dibawa Rukun Negara.

Struktur sosial kepelbagaian kaum di Malaysia bermula sejak pertengahan abad ke-19.

Melalui kuasa penjajah, negara mengalami kedatangan warga asing secara drastik sekali gus mengubah bentuk komuniti masyarakat peribumi.

Aliran masuk secara besar-



Rukun Negara sebenarnya menyediakan nilai-nilai sosiobudaya berdasarkan keperluan dan impak masyarakat yang berbilang kaum dan budaya. - Gambar hiasan



besaran pendatang berbangsa Cina dan India dalam tempoh yang singkat telah menjadikan demografi etno-budaya negara sebagai salah satu sistem sosial yang paling kompleks di rantau ini.

Pengenalan dasar 'pecahan-perintah' oleh pentadbiran penjajah British telah menjarakkan lagi perbezaan sosioekonomi dan sosiobudaya antara kaum.

Penjajahan berdekad-dekad lamanya mengakibatkan kesedaran perkauman yang dipolitikkan dalam komuniti masing-masing dan hampir tidak dapat dipisahkan. Persekitaran sosial sebegini menjadi satu cabaran dalam mewujudkan perpaduan negara.

Pelbagai usaha bersepadau oleh kerajaan Malaysia dalam memupuk integrasi nasional telah dilaksanakan sejurus selepas negara mencapai kemerdekaan.

Konsep 'Bangsa Malaysia'

yang diisyiharkan pada penghujung 1990-an menjadi titik tolak usaha tersebut.

Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad telah memperkenal dan memperkasa idea tersebut secara meluas bagi mewujudkan keharmonian.

Percubaan ke arah integrasi sosial atau perpaduan nasional terhadap kepelbagaian kaum di Malaysia tidak sentiasa indah dan selesa sepanjang masa.

Sebagai sebuah negara 'muda', Malaysia menghadapi pelbagai cabaran yang menjadi penghalang kepada pembinaan sebuah bangsa Malaysia yang berdaulat.

Untuk menangani isu perpaduan nasional ini, ia memerlukan masa bagi negara untuk menyesuaikan diri dan meneliti punca-punca halangan yang wujud.

Dalam usaha memperkasakan agenda perpaduan nasional, sejarah tidak seharusnya hanya menekankan kepentingan kemerdekaan, tetapi juga pemahaman tentang bahaya yang mengancam perpaduan.

Tambahan lagi, sejarah perlu mengambil kira dan menekankan tentang ancaman luar terhadap kemerdekaan dan keamanan Malaysia.

Malangnya, masih terdapat tafsiran yang kabur dan tidak jelas tentang sejarah, yang berpusat kepada kepercayaan bahawa satu kaum adalah lebih baik berbanding kaum yang lain.

Oleh itu, usaha memupuk keharmonian antara kaum sering dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan semata-mata, sedangkan hakikatnya ia harus bermula daripada masyarakat itu sendiri.

Rukun Negara yang menjadi ideologi perpaduan negara sejak lama perlu dilihat sebagai satu langkah untuk memelihara sebuah kemerdekaan.

Sebagai panduan untuk mempromosikan keharmonian dan perpaduan nasional, Rukun Negara sebenarnya menyediakan nilai-nilai sosiobudaya berdasarkan keperluan dan impak masyarakat yang berbilang kaum dan budaya.

Nilai yang terkandung dalam Rukun Negara perlu disemai sebaik mungkin dengan penuh ikhlas, berstrategi dan tidak 'hangat-hangat tahi ayam'.

* Pensyarah, Dr Nur Sofirah Mohd Faiz dan pelajar, Mohd Nur Syufaat Jamir dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)